

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-47 BERSAMA WARGA KUKUM DI KAMPUS KUBANG GAJAH, ARAU PADA 6 SEPTEMBER 2004.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG DIHORMATI, ENCIK AZMI MAHMOD, KETUA KEM BINA INSAN, JABATAN PERPADUAN NEGARA,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA, USTAZ HASSAN HAJI ARSHAD, PENYELARAS MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-47,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DISANJUNGI,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA, BERKAT KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA MALAM INI UNTUK BERSAMA-SAMA DI MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-47 YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI PENGISIAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) 2004.

SEBELUM MENERUSKAN KELANGSUNGAN MAJLIS, TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN

MALAYSIA KALI KE-47 INI DI ATAS USAHA GIGIH, KOMITMEN SERTA DEDIKASI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA TUNJUKKAN BAGI MENZAHIRKAN KELANCARAN PROGRAM KITA PADA MALAM INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

TANGGAL 31 OGOS BARU SAHAJA BERLABUH. TARIKH KERAMAT YANG MENJADI SAKSI KEPADA DUNIA BAHAWA KITA RAKYAT MALAYSIA TELAH BEBAS DAN MERDEKA DARI SEBARANG PENJAJAHAN KUASA ASING. SAMBUTAN KEMERDEKAAN TIDAK BERMAKNA SEKIRANYA KITA RAKYAT MALAYSIA, BIAR APA PUN ANUTAN AGAMA DAN WARNA KULIT TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT DAN KEAZAMAN UNTUK MEMPERTAHANAKAN NEGARA DARIPADA SEBARANG PENCEROBOHAN SAMA ADA YANG MELIBATKAN PENCEROBOHAN MENTAL ATAU FIZIKAL.

TANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN NEGARA ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA. IA TIDAK HANYA TERGALAS DI BAHU MEREKA YANG BERGELAR ASKAR DAN TENTERA SAHAJA. SEBALIKNYA, SETIAP WARGA SEWAJARNYA DAPAT BERSAMA-SAMA MENGEMBLENG TENAGA MEMPASTIKAN AGAR RAKYAT DAN NEGARA INI DAPAT HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN SENTOSA.

APATAH LAGI SENARIO HARI INI, DUNIA DILIHAT BEGITU MUDAH BERGOLAK MENYEBABKAN SETIAP ORANG MESTI SENTIASA BERWASPADA. KITA BARU SAHAJA SELESAI MENYAKSIKAN TENTERA PENCEROBOH AMERIKA SYARIKAT DAN SEKUTUNYA DENGAN BEGITU KEJAM MENYERANG IRAQ DAN RAKYATNYA YANG TIDAK BERDOSA TANPA RASA KEMANUSIAN. SEBELUM ITU, RAKYAT AFGHANISTAN DIGANYANG SEWENANG-WENANGNYA.

APABILA MELIHAT FENOMENA INI, KITA SEWAJARNYA MENGINSAFI DIRI DAN BERUSAHA MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN TANAH AIR DARIPADA SEBARANG ANCAMAN YANG MAMPU MENGGANGGU-GUGAT KEAMANAN NEGARA.

MARUAH BANGSA WAJIB DIBELA DAN KESEJAHTERAAN NEGARA PERLU DIPELIHARA. BAGI MEREKA YANG MEMPUNYAI SEMANGAT KEPAHLAWANAN DAN MEMPUNYAI RASA JATIDIRI YANG TINGGI PASTI TIDAK SANGGUP MEMBIARKAN NEGARA INI TERJAJAH KERANA IA AKAN MENJATUHKAN MARUAH AGAMA, BANGSA DAN NEGARA YANG TERCINTA.

DARI PERSEKPTIF ISLAM SENDIRI, SEMANGAT JIHAD DAN KEPAHLAWANAN PERLU DITANAM DI DALAM SETIAP JIWA DAN SANUBARI UMAT ISLAM AGAR PERASAAN SAYANGKAN NEGARA DAN TANAH AIR SENTIASA MEMBARA. BERJIHAD UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA MERUPAKAN SIFAT YANG MULIA DAN DISANJUNG TINGGI DI SISI ALLAH.

DALAM SURAH AN-NISA AYAT 95, FIRMAN ALLAH, YANG BERMAKSUD:

”TIDAKLAH SAMA (KEADAAN) ORANG YANG DUDUK (TIDAK BERPERANG) DARI KALANGAN ORANG YANG BERIMAN DENGAN ORANG YANG BERJIHAD PADA JALAN ALLAH (UNTUK MEMBELA ISLAM) DENGAN HARTA DAN JIWA MEREKA. ALLAH MELEBIHKAN ORANG YANG BERJUANG DENGAN HARTA BENDA DAN JIWA MEREKA ATAS ORANG YANG TINGGAL DUDUK DENGAN SATU DARJAT (KELEBIHAN)”

AYAT TERSEBUT DENGAN JELAS MEMBERI SEMANGAT KEPADA SETIAP UMAT ISLAM AGAR LEBIH BERANI BERKORBAN DAN YAKIN DENGAN JANJI-JANJI ALLAH. MEREKA YANG MENEGAKKAN KEADILAN, MEMPERTAHANKAN KESUCIAN AGAMA DAN KEDAULATAN NEGARA ADALAH BERJIHAD DI JALAN ALLAH. JIKA AGAMA ISLAM DICEROBOH, MAKA MENJADI KEWAJIPAN SETIAP INDIVIDU MEMPERTAHANKANNYA.

UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA, KITA MESTI MEMPUNYAI KEKUATAN MENTAL DAN FIZIKAL. SELAIN DARIPADA MEMILIKI KELENGKAPAN PERTAHANAN PERLU JUGA KEPADA KEROHANIAN YANG MANTAP BERTERASKAN SIFAT-SIFAT TERPUJI, TAAT KEPADA AGAMA, BERDISPLIN, AMANAH, JUJUR, IKHLAS DAN SEBAGAINYA. ATAS DASAR INILAH KEDAULATAN DAPAT DIKEKALKAN.

JUSTERU ITU SEBAGAI WARGA YANG INGINKAN NEGARA TERPELIHARA MAKA KITA PERLU BERGANDING BAHU, BERSATU PADU, BEKERJASAMA DAN MEMBINA CIRI-CIRI KEPAHLAWANAN DALAM SETIAP DIRI. NEGARA TIDAK AKAN MAJU DAN SELAMAT SEKIRANYA GOLONGAN MUDA DAN TUA BERADA DALAM KEADAAN LEMAH. GENERASI MUDA MASA KINI PERLI DIBINA SUPAYA MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT KEPAHLAWAN YANG BERKUALITI TINGGI.

SETIAP INDIVIDU PERLU MENYUMBANGKAN PERANAN MASING-MASING DALAM MEMPERTAHANKAN KEHARMONIAN NEGARA. KETAHANAN NEGARA AKAN TERCAPAI APABILA KITA MEMPUNYAI KEKUATAN AKIDAH, EKONOMI YANG MANTAP, GEJALA SOSIAL YANG SIFAR DI SAMPING MASYARAKAT YANG BERSATU PADU DEMI MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN AGAMA, BANGSA DAN TANAH AIR.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

MARILAH KITA RENUNG SEJENAK TABIR SEJARAH ISLAM. PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W, KITA DAPAT MEYAKSIKAN BAGAIMANA SETIAP GOLONGAN TANPA MENGIRA PERINGKAT UMUR DAN JANTINA TERLIBAT DALAM MEMPERTAHANKAN AGAMA DAN TANAH AIR. JIHAD PADA ZAMAN NABI BUKAN SAHAJA DISERTAI OLEH LELAKI DEWASA, AKAN TETAPI GOLONGAN WANITA DAN KANAK-KANAK JUGA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK BERSAMA-SAMA MENUNAIKAN KEWAJIPAN MEMPERTAHANKAN AGAMA DAN NEGARA.

TELAH DIRIWAYATKAN BAHAWA ABDULLAH BIN ZUBAIR KETIKA BERUMUR TUJUH TAHUN TELAH PERGI KE RUMAH RASULULLAH S.A.W. BERSAMA RAKAN-RAKAN YANG SEBAYA DENGANNYA. APABILA BERJUMPA SAHAJA DENGAN RASULULLAH, ABDULLAH DENGAN SEMANGAT KEPAHLAWANAN YANG WUJUD DALAM DIRINYA TELAH MENYATAKAN DENGAN TEGAS:

”KAMI DATANG KEPADA MU WAHAI RASULULLAH ADALAH DENGAN SATU TEKAD IAITU UNTUK SAMA-SAMA BERJIHAD DI JALAN ALLAH.”

BEGITULAH SEMANGAT KANAK-KANAK PADA ZAMAN RASULULLAH, WALAUPUN BARU BERUSIA TUJUH TAHUN TETAPI SEMANGAT UNTUK MEMPERTAHANKAN AGAMA DAN NEGARA DARIPADA DIHANCURKAN OLEH MUSUH-MUSUH ISLAM SENTIASA BERKOBAR-KOBAR DI DALAM JIWA DAN SANUBARI MEREKA.

SELAIN DARIPADA KANAK-KANAK, WANITA DI ZAMAN ITU JUGA INGIN TURUT SERTA DALAM PEPERANGAN WALAUPUN MEREKA TIDAK PERNAH DIMINTA BERBUAT DEMIKIAN. UMMU ATIYYAH BERKATA:

”AKU TELAH BERSAMA-SAMA RASULULLAH S.A.W. DALAM TUJUH PEPERANGAN. SEMASA DALAM PEPERANGAN, AKU BERTUGAS MENYEDIAKAN MAKANAN DAN MERAWAT TENTERA YANG LUKA”.

MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN AGAMA DAN NEGARA AMAT BESAR GANJARANNYA DI SISI ALLAH. INI BERTEPATAN DENGAN HADIS RASULULLAH YANG BERMAKSUD, DARIPADA MU’AZ R.A DARIPADA NABI MUHAMMAD S.A.W, BAGINDA BERSABDA:

”SESIAPA YANG BERPERANG DI JALAN ALLAH WALAUPUN SEBENTAR IAITU SEKADAR MASA ORANG MEMERAH SUSU UNTA, MAKA WAJIB BAGINYA SYURGA. DAN SESIAPA YANG BERMOHON KEPADA ALLAH DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK BERJIHAD KEMUDIAN DIA MATI ATAU DIBUNUH SESUNGGUHNYA BAGINYA BALASAN SYAHID. DAN SESIAPA TERLUKA DI JALAN ALLAH ATAU DITIMPA KEMALANGAN, MAKA DIA DATANG PADA HARI KIAMAT SEDERAS DARAH YANG MENGALIR KETIKA LUKA, WARNANYA SEPERTI ZA’FARAN DAN BAUNYA BAGAIKAN WANGI KASTURI” (RIWAYAT IMAM ABU DAUD DAN TIRMIZI)

SAYA PERCAYA BUKAN AGAMA ISLAM SAHAJA YANG MENITIK-BERATKAN SURUHAN MEMPERTAHANKAN NEGARA MALAH AGAMA-AGAMA LAIN JUGA SUDAH PASTI MENYURUH BERBUAT DEMIKIAN. TIDAK ADA SATU BANGSA PUN DI DUNIA INI YANG MAHU HIDUP DALAM CENGKAMAN KUASA PENJAJAH.

APALAH ERTINYA JIKA KITA MENJADI HAMBA KEPADA BUMI SENDIRI. MEMINTA-MINTA DAN BERHARAP-HARAP PADA YANG BERKUASA DALAM APA JUA KEADAAN SEDANGKAN MEREKA ITU HANYA PENJAJAH DAN MENGAMBIL KESEMPATAN MENEROKA SUMBER SEMENTARA ADA. HABIS SEPAH, MADU DIBUANG. UMPAMA MELUKUT DI TEPI GANTANG. HIDUP SEGAN MATI TAK MAHU.

TIDAK KAH PERGOLAKAN DUNIA YANG KACAU-BILAU YANG MELANDA BEBERAPA BUAH NEGARA MENGISAFI KITA? APAKAH KITA MAHU MELIHAT ORANG YANG KITA SAYANGI DIBUNUH DI DEPAN MATA KITA SENDIRI? TEPUK DADA, TANYA LAH SELERA MASING-MASING.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA MALAM INI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENYERU SEMUA WARGA KUKUM, UNTUK SAMA-SAMA MENGHAYATI ERTI KEMERDEKAAN NEGARA DALAM MAKSUD DAN PENGERTIAN YANG SEBENARNYA. KITA SEBAGAI ANAK-ANAK YANG MERDEKA HARUS MEMASTIKAN KELANGSUNGAN PERJUANGAN NENEK MOYANG KITA ITU BERTERUSAN AGAR CUCU CICIT KITA PULA AKAN TERUS DAPAT MERASAI NIKMAT KEMERDEKAAN ITU.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA KEMERDEKAAN MALAYSIA KALI KE-47 INI DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN DAN KELICINAN PROGRAM PADA MALAM INI.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!